

02/11/2003

Putin ucap tahniah

KUALA LUMPUR: Presiden Russia Vladimir Putin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin di bawah kepemimpinan anda, Malaysia meneruskan cara dinamikinya dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan. Teruskan pendirian aktif pada arena antarabangsa, memainkan peranan konstruktif dalam badan antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," katanya dalam perutusan tahniah kepada Abdullah.

Putin yang menghadiri Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya bulan lalu sebagai tetamu khas, berkata beliau masih mengingati pertemuan mesranya dengan Abdullah di Putrajaya.

Katanya, beliau berharap jalinan interaksi dengan Abdullah terus dipupuk bagi meningkatkan hubungan mesra antara Russia dan Malaysia.

Putin juga mengulangi jemputannya kepada Abdullah untuk melakukan lawatan rasmi ke Russia.